



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100/2/1/2 JLD 6 (3) 05/01

## LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN KE STESEN LUAR PANTAI, PANGKALAN TLDM KOTA KINABALU, KEM LOK KAWI DAN PANGKALAN UDARA LABUAN

**LABUAN, 27 Januari 2024 - Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari** pada hari ini telah meneruskan siri lawatannya ke kem-kem dan pangkalan tentera di Pantai Barat Sabah yang melibatkan Stesen Luar Pantai (SLP) Gugusan Semarang Peninjau Stesen LIMA, Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK), Pangkalan Udara Labuan dan Markas Divisyen Kelima Infanteri Malaysia (5 Div) Kem Lok Kawi bagi meninjau kawasan pengoperasian yang dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Beliau telah membuat lawatan ke beberapa pusat pengoperasian Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Kota Kinabalu iaitu SLP Stesen LIMA TLDM dan Stesen Udara Kota Kinabalu (SUKK) yang melibatkan perolehan Radar dan penambahbaikan Aerodrome serta Infrastruktur di Pulau Layang-Layang. Beliau turut meninjau Kapal Littoral Mission Ship (LMS) dan Pusat Simulasi Latihan Kapal Selam serta pembinaan RKAT TLDM yang sedang dilaksanakan di Sepanggar. Lawatan-lawatan ini penting bagi memastikan perancangan pertahanan dan kesiapsiagaan ATM sentiasa dapat diperkemas dan diperkuuhkan bersesuaian dengan strategi pertama yang digariskan oleh Menteri Pertahanan iaitu, meneruskan proses pemodenan kelengkapan dan aset ketenteraan.

YB Adly telah meneruskan lawatan ke Markas Wilayah Udara 2 (MAWILUD 2) di PU Labuan, dimana beliau berpeluang meninjau kesiapsiagaan TUDM, kemudahan dan kebajikan warga TUDM. Beliau juga berkesempatan melihat sendiri perkembangan pembinaan perumahan RKAT PU Labuan sebanyak 123 unit. Pembinaan ini telah bermula pada awal Januari 2022 dan dijangka siap pada Mac 2025.

Selain projek yang disebut diatas, projek pembangunan lain yang sedang dilaksanakan oleh MINDEF di pantai barat Sabah adalah:

- Pembinaan Kem 5 Briged & Kem 19 RAMD di Kota Belud
- Pembinaan RKAT 1,036 Unit Pelbagai Kelas di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu
- Pembinaan RKAT 5 Briged & 19 RAMD di Kem Paradise, Kota Belud (633 Unit)
- Pembinaan Bangunan Tambahan Wisma Laskar, PTKK
- Pembinaan RKAT Tambahan Pelbagai Kelas Kem Lok Kawi, (513 unit)

Beliau meneruskan lawatan untuk bersama-sama warga Tentera Darat di Markas 5 Div, Kem Lok Kawi. Lawatan ulung beliau ke Kem Lok Kawi ini bertujuan untuk meninjau kemudahan serta perkembangan pembinaan RKAT Tambahan Pelbagai Kelas di Kem Lok Kawi. Beliau turut mengambil peluang meluangkan masa beramah mesra bersama warga 5 Div bagi memahami sendiri keperluan kebajikan dan sistem sokongan warga kem tersebut.

Turut hadir semasa lawatan Timbalan Menteri Pertahanan adalah Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob; Panglima 5 Divisyen, Mejah Jeneral Malek Razak bin Sulaiman; Panglima Wilayah Udara 2, Mejah Jeneral Dato' Wan Amin Hafiz bin Wan Mahmud TUDM; Komander Pangkalan Udara, Brigedier Jeneral Muhammad Taha bin Hamdan TUDM serta pegawai kanan ATM.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**

**27 Januari 2024**